

UNISEL/HEP19/1101-BJ(1)JLD.1  
3 Januari 2019

**SEMUA STAF/ PELAJAR UNISEL  
UNISEL KAMPUS BESTARI JAYA**

Y.Bhg. Dato'/Prof./Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan,

**PENUTUPAN SEMENTARA FASILITI PUSAT SUKAN DAN BUDAYA KAMPUS BESTARI JAYA**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa kemudahan fasiliti di Pusat Sukan dan Budaya Kampus Bestari Jaya ditutup sementara bagi kerja-kerja penaiktarafan dan pengubahsuaian di bawah Projek Transformasi UNISEL 2018.

3. Penutupan ini dijangka akan mengambil masa selama 5 bulan bermula pada Disember 2018 hingga April 2019. Namun, operasi pentadbiran di Pejabat Pusat Sukan dan Budaya dibuka seperti biasa.

4. Justeru, sebagai langkah keselamatan, semua warga UNISEL adalah dinasihatkan untuk tidak berada di dalam kawasan bangunan Pusat Sukan dan Budaya sepanjang tempoh kerja-kerja dijalankan kecuali bagi urusan-urusan rasmi di Pejabat Pusat Sukan dan Budaya sahaja.

Segala perhatian Y.Bhg. Dato'/Prof./Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan, amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,



.....  
**PN. NURUL HANIM BT MOHD AMIN**

Pengarah  
Pusat Sukan Dan Budaya  
Universiti Selangor

s.k      Fail Pejabat